

14/12/1998

Penduduk Britain kecam ucapan Soros

Azizi Othman

PEDAGANG mata wang, George Soros, duduk sebaris dengan pemikir terkemuka ekonomi dunia di London School of Economics (LSE), minggu lalu.

Ia sempena promosi buku terbarunya, Carl Marx - 'Communist Manifesto (1848) dan John Maynard Keynes - 'General Theory (1936)'.
Namun, di sebalik hujah berapinya mengenai kehebatan dan dinamisme 'The Crisis of Global Capitalism' dalam mengupas persoalan kegawatan pasaran kewangan sejagat di LSE, pemerhati tidak termakan dengan sandiwara lakonannya.

Ketika hujah Adam Smith masih diungkapkan kebanyakan penulis ekonomi intelek yang menyokong pendapatnya sehingga hari ini, Soros menerusi bukunya, mendakwa krisis kewangan sejagat kini semakin dapat dibendung dengan adanya kawal selia antarabangsa.

Beliau mendakwa, kononnya keruntuhan sistemik bagi peradaban sistem kewangan sejagat 'dihidunya' sejak awal tahun ini, ketika dalam proses menulis buku berkenaan.

Itulah sebabnya bukunya memaparkan analisis terperinci mengenai krisis itu.

Anehnya, pada masa yang sama, jutawan penuh kontroversi yang dikecam banyak negara kerana menghuru-harakan ekonomi sejagat itu, mengaku pula bahawa kesan kegawatan ekonomi sejagat belum dirasa sepenuhnya.

Soros mendakwa demikian kerana pasaran kewangan dunia disifatkannya sebagai masih mengalami arah aliran menurun dan pelancaran mata wang tunggal Eropah, Euro, tahun baru ini akan mencetuskan konflik baru.

Jika bagi warga Malaysia pembohongan Soros memang ketara terutama dengan pengakuannya bahawa beliau tidak pernah memikirkan implikasi sosial kegiatan dagangan mata wang, penduduk Britain juga memberi reaksi sama kepada kedua-dua buku dan ucapannya.

Seperti warga Malaysia yang marah dengan kenyataan celupar Soros menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur dan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan, rakyat negara ini juga sukar menerima kedatangan pembiayaan kewangan itu.

Rata-rata, mereka tidak dapat menerima pendapat Soros yang juga lulusan LSE itu kerana beliau sendiri sebelum ini adalah 'perompak' Bank of England (bank pusat Britain) yang sekali gus menghumban London daripada mekanisme tukaran asing (ERM), pada 1992.

Kini, selepas Britain menderita tidak dapat menjadi sebahagian anggota Kesatuan Eropah (EU) yang menjayakan pelancaran pakej Euro mulai 1999, Soros pandai pula cuba meraih simpati dan menawarkan bantuan tunjuk ajarnya yang disangsikan warga Britain.

Tidak cukup dengan itu, dia cuba pula memenangi hati warga Britain dengan mendakwa tindakannya 'melarikan' hampir STG600 juta (AS\$1 bilion) daripada BOE itu sebenarnya memberi banyak manfaat kepada negara ini, terutama jika dinilai dari perspektif ekonomi.

"Karut", pintas seorang tokoh ekonomi Britain yang sudah muak dengan gelagat dan tipu helah Soros sebaik sahaja mendegar kenyataannya yang disiarkan menerusi temu bual eksklusif dengan Perbadanan Penyiaran Britain (BBC).

"Tiada alasan bagi sesiapa mempercayainya malah kenyataannya sendiri sering tidak konsisten."

"Dia hanya memikirkan poketnya saja dan 'The Crisis of Global Capitalism' jauh daripada sebuah karya agung seperti yang didakwa Soros.

Ia hanya bertujuan menebalkan pengaruh beliau," katanya.

Seperti juga rakyat Malaysia yang tersinggung dengan kenyataan celupar Soros mengenai Dr Mahathir, rakyat Britain juga berhak marah kerana pembiaya itu bukan sahaja tidak mahu mengakui kesalahan sendiri, malah menuding jari kepada orang lain.

Sebagai contoh, di LSE, beliau mengkritik dasar institusi perbankan Barat di negara membangun dan menggesa supaya peraturan kawal selia lebih ketat dikenakan terhadap pihak yang didakwa punca krisis yang melanda ketika ini.

Tetapi, apabila memperkatakan mengenai dana lindung nilai seperti yang dikendalikannya, Soros kurang berminat mengulas kerana menurutnya institusi seperti itu tidak seharusnya dipersalahkan dalam perkara itu.

(END)